

**PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT INDIA
SEBELUM DAN SELEPAS DASAR EKONOMI BARU (1957-2000)**

M. ELANGKO A/L MUNIANDY

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2015

**PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT INDIA
SEBELUM DAN SELEPAS DASAR EKONOMI BARU (1957-2000)**

OLEH

M. ELANGKO A/L MUNIANDY

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi memperoleh
Ijazah Doktor Falsafah**

MAC 2015

PENGAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

MAC 2015

M.ELANGKO A/L MUNIANDY
S-HD0015/07(R)

ISI KANDUNGAN

PERKARA	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii-iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
ABSTRAK	xxii
<i>ABSTRACT</i>	xxiii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Sorotan literatur	8
1.3 Objektif Kajian	34
1.4 Signifikan Kajian	38
1.5 Metodologi Kajian	39
1.6 Skop Kajian	42
1.7 Penyusunan Bab	43

BAB 2 KEDUDUKAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT INDIA (1957-1970)

2.1	Pengenalan	47
2.2	Kehidupan sosioekonomi buruh-buruh estet (1957-1970)	50
2.2.1	Keadaan fizikal rumah estet	52
2.2.2	Masalah bekalan air yang bersih dan berkualiti	54
2.2.3	Masalah sanitasi, khidmat kesihatan dan taraf kesihatan buruh estet	56
2.2.4	Kadar mortaliti dan morbiditi	60
2.2.5	Masalah bekalan elektrik	67
2.2.6	Impak taraf hidup yang rendah buruh estet	69
2.2.7	Masalah Skim Pemilikan Rumah pesara estet	72
2.2.8	Masalah pengangguran	74
2.2.9	Masalah upah dan isu gaji bulanan buruh	84
2.2.10	Pusat Penjagaan Kanak-kanak (<i>Child Care Centre</i>)	88
2.3	Isu kewarganegaraan	92
2.4	Kesimpulan	97

**BAB 3 DASAR EKONOMI BARU DAN MASYARAKAT INDIA
(1971 – 1990)**

3.1	Pengenalan	98
3.2	Pembangunan ekonomi di bawah Rancangan Malaya Pertama (1956- 1960) dan Rancangan Malaya Kedua (1961-1965)	100
3.3	DEB dan Sosioekonomi Masyarakat India	111
3.3.1	Pencapaian sasaran pembasmian kemiskinan	112
3.3.1.1	Kemiskinan Kaum India di Bandar	119
3.3.1.2	Permasalahan sosiekonomi kaum India di bandar	122
3.3.1.3	Kemiskinan di estet	128
3.3.1.4	Keadaan fizikal rumah-rumah estet dalam tempoh DEB	137
3.3.1.5	Masalah bekalan air yang bersih dan berkualiti serta bekalan elektrik dalam tempoh DEB	139
3.3.1.6	Masalah sanitasi, khidmat kesihatan dan taraf kesihatan buruh estet dalam tempoh DEB	141
3.3.1.7	Pusat Jagaan Kanak-Kanak dalam tempoh DEB	145
3.3.2	Pencapaian sasaran penstrukturan semula masyarakat	149
3.3.2.1	Masalah pengangguran dalam kalangan masyarakat India	162
3.4	Isu pendidikan di sekolah-sekolah Tamil	165
3.4.1	Masalah keciciran	167
3.4.2	Prestasi sekolah-sekolah Tamil	172
3.4.3	Sebab-sebab kemerosotan prestasi sekolah-sekolah Tamil	175

4.3	Kesimpulan	183
BAB 4	DASAR EKONOMI BARU DAN PERANAN MIC DALAM MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN MASYARAKAT INDIA	
4.1	Pengenalan	184
4.2	Peranan MIC dalam memperjuangkan kepentingan masyarakat India	185
4.2.1	Kejayaan dan kegagalan MIC di bawah kepimpinan Tun Sambanthan	189
4.2.2	Kejayaan dan Kegagalan MIC di bawah kepimpinan Tan Sri Manickavasagam	201
4.2.2.1	Seminar Ekonomi MIC Pertama, 1974	202
4.2.3	Kejayaan dan kegagalan MIC di bawah Kepimpinan Datuk Seri S.Samy Vellu	209
4.2.3.1	Seminar Ekonomi MIC Kedua, 1980	213
4.3	DEB dan penglibatan MIC dalam perniagaan	216
4.3.1	Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah Berhad (NLFCS)	216
4.3.2	Syarikat Kerjasama Nesa Pelbagai Berhad (NESA)	225
4.3.3	Koperasi Belia Majujaya (Majujaya)	228
4.3.4	Koperasi Pekerja Jaya (KPJ)	230
4.3.5	MIC Trusts Bhd (MUT)	232
4.3.6	Maju Institute for Educational Development (MIED)	234
4.3.7	Maika Holdings Bhd (Maika)	237
4.3.7.1	Prestasi Maika Holdings Bhd (Maika)	241
4.4	DEB dan kesan penglibatan MIC dalam perniagaan	245

4.5	DEB dan ekuiti pemilikan kaum India	253
4.6	Kesimpulan	259
BAB 5	KEDUDUKAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT INDIA SELEPAS DASAR EKONOMI BARU (1990-2000)	
5.1	Pengenalan	260
5.2	Kedudukan ekonomi masyarakat India selepas DEB	261
5.2.1	Pemilikan ekuiti dan modal saham dalam sektor korporat selepas DEB	261
5.3	Masyarakat India dan pencapaian pembasmian kemiskinan selepas DEB	269
5.3.1	Permasalahan sosioekonomi dan penempatan setingan kaum India di bandar selepas DEB	277
5.4	Masyarakat India dan pencapaian penstrukturan semula masyarakat India selepas DEB	287
5.4.1	Agihan guna tenaga kaum India mengikut sektor dan pekerjaan selepas DEB	293
5.5	Permasalahan sosial masyarakat India selepas DEB	302
5.5.1	Peluang-peluang pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam Malaysia	302
5.5.2.1	Isu pendidikan di SJKT	312
5.5.2.2	Isu pendidikan tertiar	320
5.5.3	Isu perumahan	328
5.5.4	Isu jenayah dalam kalangan belia India di Malaysia	336
5.6	Masalah dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat India serta cadangan-cadangan untuk membaik pulih kedudukan ekonomi mereka	343
5.7	Kesimpulan	359

BAB 6 KESIMPULAN	360
BIBLIOGRAFI	384
LAMPIRAN	425

SENARAI JADUAL	Halaman
Jadual 2.1: Bilangan dan jenis penyakit bawaan air di estet, 1969	56
Jadual 2.2: Jenis tandas yang disediakan oleh pengurusan estet, 1969	57
Jadual 2.3: Pengagihan <i>Sensitized Erythrocyte Lysis</i> (SEL) dalam kalangan 8 kategori pekerjaan, 1960-1961	58
Jadual 2.4: Kadar mortaliti kasar mengikut kaum di Malaysia, 1947-1970	61
Jadual 2.5: Penduduk Semenanjung Malaysia mengikut kaum, 1947-1970('000)	62
Jadual 2.6: Kadar kelahiran dalam kalangan buruh estet wanita berbanding kadar kelahiran negara mengikut kaum, 1947	63
Jadual 2.7: Kadar kematian peri natal mengikut kaum, 1957-1970	64
Jadual 2.8: Jenis sumber elektrik yang digunapakai oleh buruh estet, 1969-1970 (%)	68
Jadual 2.9: Min pendapatan isi keluarga kaum India di bandar dan luar bandar, 1957 dan 1970	70
Jadual 2.10: Kadar pengangguran mengikut kaum, 1970('000)	77
Jadual 2.11: Agihan guna tenaga kaum India mengikut jenis pekerjaan, 1957&1970	
Jadual 2.12: Penglibatan dalam birokrasi utama di Tanah Melayu mengikut kaum, 1950-1962	80
Jadual 2.13: Penglibatan dalam MCS di Tanah Melayu mengikut kaum, 1950-1970	82
Jadual 2.14: Jawatan tertinggi (<i>Division I,II&III Posts</i>) dalam sektor perkhidmatan awam peringkat persekutuan dan negeri mengikut kaum, 1969	83
Jadual 2.15 : Kajian UNICEF di pusat jagaan kanak-kanak di estet, 1957-1970 (%)	90

Jadual 3.1: Hak milik dalam sektor korporat di Semenanjung Malaysia, 1970	103
Jadual 3.2 : Pembahagian Tenaga Kerja Kaum, 1970	107
Jadual 3.3: Sasaran kadar Pertumbuhan Etnik Melayu,1970 - 1990	120
Jadual 3.4: Matlamat dan Pencapaian Kemiskinan di Malaysia, 1976&1990	113
Jadual 3.5 : Pencapaian Pembasmian Kemiskinan di Malaysia,1970-1990	114
Jadual 3.6: Pengagihan Isi Rumah mengikut Pendapatan dan Etnik di Semenanjung Malaysia,1970 (%)	115
Jadual 3.7: Ketidakesetaraan Pendapatan di antara Kaum di Semenanjung Malaysia,1970-1987 (RM)	117
Jadual 3.8 : Bilangan Kaum India,1957-1991 (%)	118
Jadual 3.9 : Pertumbuhan Setinggalan mengikut Etnik di Kuala Lumpur, 1970-1990	119
Jadual 3.10 : Semenanjung Malaysia : Taburan Penduduk mengikut Taburan Etnik,1970-1990 (%)	120
Jadual 3.11 : Semenanjung Malaysia : Purata Pendapatan Bulanan Penduduk Setinggalan di Kuala Lumpur mengikut Etnik	122
Jadual 3.12 : Penduduk Setinggalan Kaum India di Bandaraya Ipoh dan Kawasan sekitarnya	124
Jadual 3.13 : Kadar Faedah KWSP,1970-1980	127
Jadual 3.14 : Jumlah Pendapatan Bulanan Isi Keluarga di Estet Getah, 1986	133
Jadual 3.15 : Min Pendapatan Bulanan bagi Jenis-Jenis Pekerjaan Terpilih, Semenanjung Malaysia, 1986	135
Jadual 3.16 : Pendapatan Bulanan bagi Jenis-Jenis Pekerjaan Terpilih, Semenanjung Malaysia,1974-1989 (RM)	136
Jadual 3.17 : Semenanjung Malaysia : Agihan dan Sasaran Imbangan Guna Tenaga antara Kaum mengikut Sektor, 1970 dan 1990	150

Jadual 3.18: Malaysia : Pencapaian Imbangan Guna Tenaga antara Kaum mengikut Sektor, 1990(%)	151
Jadual 3.19: Semenanjung Malaysia : Agihan dan Sasaran Imbangan Guna Tenaga antara Kaum mengikut Pekerjaan, 1970 dan 1990	152
Jadual 3.20 : Malaysia : Pencapaian Imbangan Guna Tenaga antara Kaum mengikut Pekerjaan, 1990	153
Jadual 3.21 : Malaysia : Pencapaian Imbangan Guna Tenaga antara Kaum mengikut Pekerjaan dalam tempoh 1970-1990	154
Jadual 3.22 : Senarai Perkhidmatan Perkeranian di NNMB,1930	156
Jadual 3.23: Senarai Kakitangan Kerajaan dalam Jenis-Jenis Pekerjaan terpilih, NNMB,1938	157
Jadual 3.24 : Perkhidmatan Awam Persekutuan Tanah Melayu (<i>Division One</i>),1970	158
Jadual 3.25 : Perwakilan Pegawai <i>Division One</i> Kaum India dalam Jenis-Jenis Pekerjaan terpilih, Perkhidmatan Awam Persekutuan Tanah Melayu, 1961-1981	159
Jadual 3.26 : Perwakilan Pegawai <i>Division One</i> Kaum India dalam Jenis-Jenis Pekerjaan terpilih, Perkhidmatan Awam Persekutuan Tanah Melayu,1957-1981	159
Jadual 3.27 : Kadar Pengangguran mengikut Kaum,1970-1980 ('000)	162
Jadual 3.28 : Bilangan Profesional yang berdaftar,1970 -1990	164
Jadual 3.29: Enrolmen pelajar mengikut kumpulan etnik dan tahap akademik, 1979(%)	169
Jadual 3.30: Tahap pendidikan murid-murid sekolah Tamil estet, 1989	170
Jadual 3.31: Tahap pendidikan anak buruh estet yang tamat persekolahan, 1985	171
Jadual 3.32: Prestasi Peperiksaan Penilaian Tahun 5 Murid-Murid SJKT, 1985	173

Jadual 3.33: Guna tenaga buruh kanak-kanak di estet, 1989	178
Jadual 4.1 : Anggaran Pertumbuhan Ekuiti Masyarakat India, 1970 - 1990 (Milion)	204
Jadual 4.2 : Estet-Eстет milik NLFCS,1960-1971	223
Jadual 4.3 : Prestasi Maika Holdings Group,1984-1991	242
Jadual 4.4 : Pemilikan Modal Saham (pada nilai par) Syarikat-Syarikat Berhad,1969-1990 (%)	254
Jadual 5.1 : Pemilikan Modal Saham (pada nilai par) Syarikat-Syarikat Berhad,1990 - 2004 (%)	262
Jadual 5.2: Malaysia : Pemilikan Modal Saham (pada nilai par) Syarikat-Syarikat Berhad dalam Sektor mengikut Kaum,2002 (%)	265
Jadual 5.3 : Malaysia : Pemilikan Modal Saham (pada nilai par) Syarikat-Syarikat Berhad dalam Sektor mengikut Kaum,2004 (%)	265
Jadual 5.4 : Malaysia : Pemilikan Bangunan dan Premis Komersial mengikut Kaum,2005	268
Jadual 5.5 : Sasaran Kadar Kemiskinan dan Bilangan Isi Rumah Miskin, Malaysia (1990 dan 2000)	270
Jadual 5.6 : Pencapaian Kadar Kemiskinan, Malaysia, 1990 dan 2000	271
Jadual 5.7 : Kadar Kemiskinan dan Kemiskinan Tegar mengikut Kaum, Malaysia,1999 dan 2004 (%)	273
Jadual 5.8 : Taburan Peratusan Ahli Isi Rumah Berumur Lima Tahun dan Lebih mengikut Tahap Pencapaian Pendidikan dan Kumpulan Etnik, 2001 (%)	279
Jadual 5.9 : Kadar Penyertaan Tenaga Buruh mengikut Jenis Pekerjaan, Sektor Terpilih dan Kumpulan Etnik , 2001(%)	283
Jadual 5.10 : Keadaan Tempat Tinggal dan Pemilikan Barangan Moden Terpilih dan Kumpulan Etnik (%)	285
Jadual 5.11 : Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata mengikut Kumpulan Etnik,1995 dan 1999 (RM)	288

Jadual 5.12 : Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata mengikut kumpulan Pendapatan dan Etnik,1995 dan 1999 (RM)	290
Jadual 5.13 : Malaysia : Pencapaian Imbangan Guna Tenaga antara Kaum mengikut Sektor, 1990 dan 2000	294
Jadual 5.14 : Bilangan Kaum India di Malaysia,1957-2000	296
Jadual 5.15 : Malaysia : Pencapaian Imbangan Guna Tenaga antara Kaum mengikut Sektor, 1970 dan 2000	296
Jadual 5.16 : Taburan Peratusan Status Pekerjaan di Malaysia, 2006	298
Jadual 5.17: Pencapaian Imbangan Guna Tenaga antara Kaum mengikut Pekerjaan,1990 dan 2000	300
Jadual 5.18 : Pencapaian Guna Tenaga antara Kaum mengikut Pekerjaan terpilih, 2005	303
Jadual 5.19 : Malaysia : Profesional Berdaftar mengikut Kaum, 1995 dan 1997	305
Jadual 5.20 : Malaysia : Profesional Berdaftar mengikut Kaum,2005	310
Jadual 5.21 : Bilangan Sekolah, Kelas dan Enrolmen Sekolah Rendah, 1995 dan 2000	313
Jadual 5.22 : Tahap Pencapaian dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	315
Jadual 5.23 : Tahap Pencapaian dalam Penulisan Bahasa Melayu	315
Jadual 5.24 : Tahap Pencapaian dalam Mata Pelajaran Matematik	316
Jadual 5.25 : Keputusan UPSR Sekolah-sekolah Tamil di Malaysia, 1996-2000	317
Jadual 5.26 : Prestasi Mata Pelajaran SK, SJKC dan SJKT dalam UPSR tahun 2000	318
Jadual 5.27 : Malaysia : Enrolmen di Institusi Pendidikan Tinggi mengikut Kaum,1970 dan 1980	321
Jadual 5.28 : Bilangan Penduduk Malaysia, 1970 dan 1980 (%)	322
Jadual 5.29 : Enrolmen Pelajar Tajaan Biasiswa Penuh Kerajaan di	323

Universiti Luar Negara,1980-1984

Jadual 5.30 : Malaysia : Enrolmen di IPTS mengikut Kaum,1980 dan 1983	324
Jadual 5.31 : Malaysia : Enrolmen di IPTA mengikut Kaum,1980 dan 1983 (%)	325
Jadual 5.32: Kemasukan Pelajar ke IPTA, 1999-2001	326
Jadual 5.33 : Kumpulan Kongsi Gelap India,1996	337
Jadual 5.34 : Bilangan Tahanan Pesalah di Pusat Tahanan Simpang Renggam,2004 dan 2005	338
Jadual 5.35 : Tangkapan Pesalah atas pelbagai kesalahan Jenayah mengikut Kaum, 1991 dan 1992 (%)	339
Jadual 5.36 : Tangkapan Pesalah atas pelbagai kesalahan Jenayah mengikut Kaum,1995 dan 1996 (%)	340
Jadual 5.37 : Guna Tenaga Belia di Bandar mengikut Pekerjaan dan Kumpulan Etnik,1995 dan 2000 (%)	348
Jadual 5.38 : Taburan Penduduk Malaysia mengikut Kaum,1990-2005 (%)	350

SENARAI LAMPIRAN

Halaman

Lampiran 1 : Kadar kematian semulajadi mengikut kaum di Semenanjung Malaysia dari 1957- 1989	421
Lampiran 2 : Anggaran kemampuan isi rumah membeli seunit rumah secara ansuran	422
Lampiran 3 : Prosedur permohonan kewarganegaraan secara pendaftaran	423
Lampiran 4 : Senarai syarikat-syarikat milik Maika	424
Lampiran 5 : Malaysia: Hakmilik Modal Saham (Pada Nilai Par Syarikat-Syarikat Berhad (RM juta) 1970-1992	425

SINGKATAN

AMCJA	<i>Malaya Council of Joint Action All</i>
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
ASN	Amanah Saham Nasional
BSKL	Bursa Saham Kuala Lumpur
BN	Barisan Nasional
CIAM	<i>Central Indian Association of Malaya</i>
CAP	<i>Consumer Association of Penang</i>
CCP	<i>Central Cooperative Bank</i>
CWC	<i>Central Working Committee</i>
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
EHA	<i>Estate Hospital Assistance</i>
EON	Edaran Otomobil Nasional Bhd
EPRD	<i>Education, Planning and Research Division</i>
EPU	<i>Economi Planning Unit</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>
GLU	<i>General Labour Union</i>
HSC	<i>Higher School of Certificate</i>
IADP	<i>Integrated Agricultural Development Projects</i>
ILF	<i>Indian Labour Fund</i>
IBRD	<i>International Bank for Reconstruction and Development</i>
ILO	<i>International Labour Organization</i>

IIL	<i>Indian Independence League</i>
ILP	Institut Latihan Perindustrian
INA	<i>Indian National Army</i>
INC	<i>Indian National Congress</i>
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
ISEAS	<i>Institute of Southeast Asian Studies</i>
ITN	Institut Teknologi Negeri
JKEN	Jabatan kemajuan Ekomomi Negeri
JKR	Jabatan Kerja Raya
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPJ	Koperasi Pekerja Jaya
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBBT	Kelab Bell Belia Tamil
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LCE	<i>Lower Certificate of Education</i>
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
LKKP	Lembaga Kemajuan Kampung Dan Perusahaan
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
Majujaya	Koperasi Belia Majujaya (M) Berhad
Maika	Maika Holdings Bhd
MADS	<i>Malaysian Administrative and Diplomatic Service</i>

MAPA	<i>Malaysian Agricultural Producers Association</i>
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MAS	<i>Malaysian Airlines System</i>
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MCE	<i>Malaysian Certificate of Education</i>
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i>
MIED	<i>Maju Institute for Educational Development</i>
MIDFL	<i>Malaysian Industrial Development Finance Development</i>
MISC	<i>Malaysian International Shipping Corporation</i>
MMA	<i>Malaysian Medical Association</i>
MPIEA	<i>Malayan Planting Industries Employers Association</i>
MU	<i>Malayan Union</i>
MUT	MIC Unit Trust Bhd
MAPEN	Majlis Perundingan Ekonomi Negara
MPPB	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
NESA	Syarikat Kerjasama Nesa Pelbagai Berhad
NGO	<i>Non Government Organization</i>
NNS	Negeri- Negeri Selat
NKRA	<i>National Key Result Area</i>
NLFCS	<i>National Land Finance Cooperative Society</i>
NUPW	<i>National Union of Plantation Workers</i>
NNMB	Negeri-Negeri Melayu Bersatu
PPP	<i>Peoples Progressive Party</i>

PAS	<i>Pan-Malaysian Islamic Party</i>
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PERNAS	Permodalan Nasional Berhad
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PKM	Parti Komunis Malaya
PNB	Permodalan Nasional Berhad
PPRT	Program Pembangunan Rakyat Termiskin
PPTM	Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
PMRWU	<i>Pan-Malayan Rubber Worker's Union</i>
PROSPER	Projek Usahawan Bumiputera dalam Bidang Peruncitan
PTM	Persekutuan Tanah Melayu
RIDA	<i>Rural Industrial Development Authority</i>
RISDA	<i>Rubber Industry Small Holders Development Authority</i>
RRJP 1	Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama
RRJP 2	Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua
RRJP 3	Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga
SERI	<i>Socio-Economic and Environmental Research Institute</i>
SF	<i>Socialist Front</i>
SK	Sekolah Kebangsaan
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran

STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SERU	<i>Socio-Economic Research Unit</i>
SIRDC	<i>Strategic Information and Research Development Centre</i>
STM	Syarikat Telekom (M) Bhd
TABIKA	Taman Bimbingan Kanak-Kanak
TAFE	<i>Technical and Further Education</i>
TNB	Tenaga Nasional Berhad
UMNO	<i>United Malays National Organization</i>
UN	<i>United Nations</i>
UNICEF	<i>United Nations Children's Fund</i>
UAB	<i>United Asian Bank</i>
UEM	United Engineering (M) Bhd
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
UPE	Unit Perancang Ekonomi
VMO	<i>Visiting Medical Officer</i>
YBKN	Yayasan Basmi Kemiskinan Negeri

PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT INDIA SEBELUM DAN SELEPAS DASAR EKONOMI BARU (1957-2000)

ABSTRAK

Kajian ini merupakan suatu penelitian tentang kedudukan sosioekonomi masyarakat India di bawah DEB. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kedudukan sosioekonomi masyarakat India dalam jangka masa sebelum dan selepas pelaksanaan DEB. Penyelidikan ini juga dilaksanakan dalam ruang lingkup matlamat serampang dua mata DEB iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan metodologi analisis kuantitatif, kualitatif mengikut penzamanan (*periodization*) dan kajian kepustakaan berdasarkan sumber pertama dan kedua. Dapatan kajian menunjukkan bahawa DEB kurang berjaya dalam membasmi kemiskinan dan menyusun semula struktur masyarakat India kerana dalam proses pelaksanaan DEB, masyarakat India terlalu jarang dibawa bersama-sama dengan etnik-etnik lain untuk menikmati faedah pembangunan ekonomi dalam arus pembangunan nasional. Kedudukan sosioekonomi kaum India bertambah merosot semasa dan selepas DEB berbanding kaum-kaum lain di Malaysia. Kadar kemiskinan tegar kaum minoriti India di bandar dan luar bandar juga kekal statik meskipun tamat tempoh RRJP2. Taburan dan corak guna tenaga kaum India dalam sektor dan jenis-jenis pekerjaan juga tidak menggambarkan komposisi mereka dalam kependudukan Malaysia. Kadar pemilikan ekuiti dan modal saham syarikat berhad milik kaum India bukan sahaja tidak berganjak dalam tempoh DEB tetapi bertambah merosot dalam tahun-tahun selepasnya berbanding dengan etnik-etnik lain. Ini menyebabkan kaum minoriti India ketinggalan jauh dalam banyak aspek kehidupan berbanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia.

**SOCIO-ECONOMIC DEVELOPMENT OF THE INDIAN COMMUNITY
BEFORE AND AFTER THE NEW ECONOMIC POLICY (1957-2000)**

ABSTRACT

This study is a scrutiny on the socio-economic position of the Indian community under the NEP. Therefore, this study aimed to analyze the socio-economic position of the Indian community in the period before and after the implementation of the NEP. This study is also carried out within the scope of the two-pronged objective of NEP of eradicating poverty and restructuring society. Accordingly, this study uses the methodology of quantitative analysis, qualitative periodization and literature review based on primary and secondary sources. This study finds that the NEP had less success in eradicating poverty and restructuring the Indian community because in the process of implementation of the NEP, the Indian community was rarely brought together with other ethnic groups to enjoy the benefits of economic development in the mainstream of national development. The socio-economic position of the Indian community deteriorated during and after the NEP compared to other ethnic groups in Malaysia. The hard-core poverty rate of the minority Indians, both in the urban and rural areas has also remained static despite the expiry of OPP2. The distribution and pattern of employment of Indians in the various sectors and the types of jobs also do not reflect their composition in the Malaysia population. Equity ownership and capital stock in limited companies owned by the Indians not only persisted during the duration of the NEP but also declined in subsequent years compared to the other ethnic groups. This has resulted in the minority Indians lagging in many aspects of life compared to the other races in Malaysia.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 merupakan titik peralihan penting lagi bersejarah kerana rakyat diberikan kemerdekaan untuk berkerajaan sendiri. Ibarat bayi yang baru lahir, Tanah Melayu terpaksa mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan politik, ekonomi dan sosial khususnya dalam tempoh 12 tahun selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Tempoh berkenaan boleh dianggap sebagai kritikal kerana ianya menjadi penanda aras untuk menentukan kredibiliti dan kemampuan pentadbiran negara dalam membawa kejayaan Malaysia dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan arena politik antarabangsa. Pentadbiran negara bertambah rumit kerana penduduk Tanah Melayu bercirikan fungsi ekonomi dan kedudukan geografi yang berbeza¹. Sesungguhnya, fenomena ini merupakan sebahagian daripada implikasi dasar kolonialisme dan imperialisme Barat di Tanah Melayu². Kesan peninggalan penjajahan Barat ini telah mencetuskan beberapa permasalahan sosioekonomi dalam kalangan penduduk Tanah Melayu. Antara cabaran sosioekonomi yang dihadapi pentadbiran

¹ Tun Ismail Mohd Ali, "Peranan Pengurusan dalam Mencapai Objektif-Objektif Dasar Ekonomi Baru" dlm. *Seminar Kebangsaan Dasar Ekonomi Baru selepas 1990 : Peranan Sektor Korporat Awam*, Kuala Lumpur, Gemaputera 1987, hlm.26.

² Khoo Kay Jin, "Kedah di antara Imperialisme dan Kolonialisme : 1880 – 1909" dlm. Cheah Boon Kheng & Abu Talib Ahmad (Peny.), *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-Negara Lain*, Petaling Jaya, Penerbit Fajar Bakti,1990, hlm. 178 – 200.

negara ialah kebergantungan sangat pada sumber getah dan bijih timah, kekurangan tenaga mahir dan perkhidmatan kebajikan rakyat yang tidak seiring dengan kadar pertumbuhan penduduk yang kian meningkat serta ketidakseimbangan pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar serta antara kaum³.

Sebagai langkah menangani masalah dan halangan-halangan di atas, kerajaan telah menetapkan beberapa objektif secara terancang dan tersusun dalam Rancangan Malaysia Pertama. Antaranya ialah merapatkan jurang pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi menangani masalah pengangguran serta meneroka bidang-bidang ekonomi moden dan baru agar tidak terlalu bergantung pada sumber getah dan bijih timah semata-mata. Di samping itu, kerajaan juga berhasrat untuk menggalakkan penyertaan segenap lapisan masyarakat Malaysia dalam proses pembangunan sosioekonomi negara. Untuk mencapai hasrat ini, kerajaan bercadang membuka tanah-tanah baru bagi membolehkan rakyat memiliki tanah untuk tujuan aktiviti pertanian. Kerajaan juga tidak menafikan tentang kepentingan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, pengangkutan awam, komunikasi, skim perumahan kos rendah serta kemudahan khidmat kesihatan dalam memperbaiki dan seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia⁴. Seiring dengan objektif-objektif dalam Rancangan Malaysia Pertama ini, kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman telah mengorak langkah membangunkan ekonomi negara menerusi sektor pelaburan awam dengan membangunkan infrastruktur negara, kawasan luar bandar dan pelaburan sektor swasta dalam bidang pertanian dan

³ Malaysia, *Rancangan Malaysia Pertama, 1966-1970*, Putrajaya, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 2012. Rujuk Bab 1 dan Jadual 1-1 dalam Bab 1.

⁴ *Ibid.*

perlombongan khususnya oleh para pelabur asing. Walau bagaimanapun, teretusnya rusuhan kaum 13 Mei 1969 telah mencelik mata dan minda kepimpinan negara ketika itu bahawa pertumbuhan ekonomi negara semata-mata tidak akan membawa sebarang makna tanpa mengambil kira soal ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum di Malaysia. Oleh itu, kerajaan telah bertekad untuk memupuk perpaduan rakyat Malaysia menerusi strategi pengagihan kekayaan dan pendapatan negara yang seimbang dalam kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Aspirasi dan harapan murni kerajaan ini mula diterjemahkan dalam Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1975. Seiring dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Pertama, Dasar Ekonomi Baru (DEB) digubal dan dilaksanakan mulai tahun 1971 untuk mencapai matlamat perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula struktur masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi akhirnya dapat dihapuskan.

DEB merupakan titik peralihan penting dalam sejarah sosial dan sejarah pembangunan ekonomi negara kerana dasar ini dianggap sebagai penjuruteraan sosial (*social engineering*) yang telah mencetuskan transformasi sosioekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia. Pelbagai strategi dan rancangan ekonomi telah dirancang bagi mencapai matlamat pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula struktur masyarakat. Bagi membasmi kemiskinan di luar bandar, peluang-peluang untuk memperbaiki dan seterusnya meningkatkan pendapatan golongan miskin di luar bandar terutamanya dalam sektor-sektor moden seperti perdagangan dan perindustrian telah digalakkan. Tambahan pula, tanah-tanah rancangan baru berserta kemudahan pengairan

dan skim penanaman semula dengan benih-benih berhasil tinggi juga telah disediakan. Bagi merealisasikan matlamat ini, kerajaan juga berhasrat untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kemudahan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas penting seperti bekalan air, elektrik, khidmat kesihatan, kemudahan pelajaran, kemudahan perumahan serta kegiatan-kegiatan kemajuan masyarakat. Dengan pelaksanaan rancangan-rancangan utama ini, kerajaan menerusi Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1), 1970-1990 berharap dapat mengurangkan kadar kemiskinan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 menjadi 16.7 peratus menjelang tahun 1990⁵. Sesungguhnya, strategi DEB ini jelas menampakkan bahawa DEB adalah dasar awam yang berbentuk *incremental*⁶.

Bagi mencapai strategi penyusunan semula struktur masyarakat pula, kerajaan bertekad menyusun semula struktur guna tenaga rakyat Malaysia yang tidak seimbang menerusi pertumbuhan ekonomi secara berperingkat-peringkat. Kerajaan juga telah menetapkan supaya kaum Bumiputera memiliki sekurang-kurangnya 30 peratus saham dalam sektor syarikat manakala rakyat Malaysia lain dan rakyat asing masing-masing memiliki 40 peratus dan 30 peratus dalam sektor yang sama dalam tempoh DEB. Selari dengan matlamat ini, kerajaan juga berhasrat mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian dalam kalangan Bumiputera dalam semua lapangan dan peringkat kegiatan ekonomi. Dengan ini juga kerajaan berharap bahawa kaum Bumiputera akan

⁵ Abdul Ghaffar Baba, "Kajian Semula Dasar Ekonomi Baru : Satu Agenda untuk Pembangunan Negara selepas 1990" dlm *Seminar Kebangsaan Dasar Ekonomi Baru selepas 1990 : Peranan Sektor Korporat Awam*, Kuala Lumpur, Gemaputera, 1987, hlm.34 dan 43.

⁶ C.E.Lindblom & E.J.Woodhouse, *The Policy-Making Process*, Prentice Hall, New Jersey, 1993. Menurut Lindblom dasar-dasar awam dilihat sebagai penerusan atau sambungan daripada aktiviti kerajaan yang lalu dengan hanya membuat beberapa pengubahsuaian. Justeru, pengkaji berpendapat DEB juga merupakan penerusan dasar pembangunan sedia ada dan sebarang perubahan atau modifikasi dalam dasar ini adalah berupa *incremental*.

berupaya menjadi rakan sepejuangan penuh kepada bukan Bumiputera dalam kegiatan-kegiatan ekonomi moden.⁷ Inilah antara intipati penting dalam pencapaian matlamat DEB. Adakah sasaran matlamat DEB ini dapat dicapai atau sebaliknya?

Dalam menilai pencapaian matlamat DEB, umumnya boleh dianggap bahawa DEB telah berjaya membawa perubahan yang positif baik dalam matlamat pembasmian kemiskinan mahupun dalam penyusunan semula struktur masyarakat. Sesungguhnya, penilaian ini adalah berdasarkan perbandingan kadar kemiskinan dan susunan struktur masyarakat Malaysia sebelum dan selepas pelaksanaan DEB. Sebelum DEB diperkenalkan, kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia adalah 49.3 peratus. Ini menunjukkan hampir separuh daripada penduduk Semenanjung Malaysia adalah tergolong sebagai rakyat miskin. Namun, kesungguhan kerajaan dalam rancangan-rancangan ekonominya telah mendatangkan kesan positif yang agak ketara apabila kadar kemiskinan berjaya dikurangkan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 menjadi 15.0 peratus menjelang berakhirnya tempoh pelaksanaan DEB iaitu pada tahun 1990⁸. Begitu juga halnya dengan matlamat penyusunan semula struktur masyarakat. Penglibatan semua etnik dalam sektor mahupun dalam jenis-jenis pekerjaan dilaporkan telah bertambah baik dan menghampiriimbangan komposisi penduduk Malaysia. Kadar pemilikan saham dalam syarikat korporat serta pemilikan ekuiti oleh semua etnik juga dilaporkan telah bertambah baik⁹. Secara khususnya, peratusan Bumiputera sebagai pekerja pertanian dilaporkan telah berkurangan manakala dalam pekerjaan lain peratus penglibatan mereka bertambah meningkat dalam tempoh 1990

⁸ Malaysia, *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000*.

⁹ Malaysia, *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 2000, hlm.66 dan Jadual 3-3 dan 3-4.

hingga 1995¹⁰. Peratusan Bumiputera dalam kategori profesional dan teknikal dilaporkan juga telah meningkat daripada 10 peratus pada tahun 1990 menjadi 12.7 peratus pada tahun 1995 manakala dalam bidang pentadbiran dan pengurusan penglibatan mereka dikatakan agak drastik di mana peratusan Bumiputera telah meningkat daripada 29 peratus menjadi 36.1 peratus bagi tempoh yang sama¹¹. Peratusan guna tenaga kumpulan etnik India dan Cina juga dilaporkan meningkat dalam sektor-sektor moden seperti pembuatan dan perindustrian¹². Secara spesifiknya, penglibatan kaum India dalam sektor pengeluaran dan perlombongan serta kuari dilaporkan telah meningkat daripada 8.6 peratus menjadi 10.8 peratus dalam tempoh pelaksanaan DEB. Sehubungan dengan ini, suatu persoalan yang perlu dikemukakan ialah adakah guna tenaga dalam sektor ini terdiri daripada pekerja-pekerja India yang berkemahiran tinggi? Kadar pemilikan saham syarikat-syarikat berhad milik semua etnik juga dilaporkan telah meningkat sepanjang tempoh pelaksanaan DEB¹³. Walau bagaimanapun, kadar pemilikan ekuiti kaum India didapati tidak mengalami perubahan yang signifikan dalam tempoh pelaksanaan DEB dan selepasnya.

Pada keseluruhannya, laporan-laporan tentang kemajuan DEB sebagaimana yang dinyatakan di atas membuktikan bahawa DEB telah mendatangkan impak positif dari segi pencapaian matlamatnya. Namun, DEB yang dilaksanakan mulai 1971 ini kerap kali diperdebatkan hingga kini sebagai polisi awam kerajaan yang kontroversi kerana ia telah mengundang pelbagai reaksi baik daripada golongan bukan Bumiputera mahupun kaum Bumiputera sendiri. Reaksi dan pandangan daripada pelbagai pihak

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ *Ibid.*

¹² *Ibid.*

¹³ *Ibid.*

sebegini tidak mungkin boleh diketepikan atau dipandang remeh begitu sahaja lebih-lebih lagi di negara Malaysia yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum dengan latar belakang agama, budaya dan kepercayaan yang unik dan berbeza. Dari perspektif kaum India, DEB dilihat sebagai dasar kerajaan yang kurang bermakna kerana ia didakwa tidak membawa perubahan yang signifikan dalam membasmi kadar kemiskinan dan menyusun semula struktur masyarakat India di Malaysia. Pandangan dan rasa tidak puas hati sedemikian rupa kerap kali dilontarkan dalam media elektronik dan bukan elektronik oleh pemimpin masyarakat, ahli sejarah, ahli akademik, aktivis sosial, ahli perniagaan, badan-badan bukan kerajaan dan parti-parti politik seperti *Malaysian Indian Congress* (MIC). Benarkah kedudukan kaum India tidak mengalami perubahan positif sepanjang tempoh pelaksanaan DEB? Jika benar, apakah perubahan-perubahan positif atau pun manfaat-manfaat yang diperolehi oleh masyarakat India di bawah pelaksanaan DEB dan sejauh manakah perubahan-perubahan berkenaan telah memangkinkan pencapaian matlamat dan objektif DEB? Sekiranya tidak benar, apa pula faedah dan kebaikan-kebaikan yang tidak dapat dinikmati oleh kaum India sepanjang tempoh pelaksanaan DEB? Bagaimana pula kedudukan sosioekonomi mereka selepas tamatnya tempoh pelaksanaan DEB pada tahun 1990? Persoalan-persoalan ini perlu diperincikan dan diperhalusi secara jitu, jelas dan tepat bagi menentukan kerelавanan DEB sebagai agenda nasional yang turut mewakili kepentingan masyarakat India di Malaysia. Dalam konteks persoalan inilah, penyelidikan ini dijalankan.

1.2 Sorotan Literatur

Terdapat beberapa kajian penyelidikan, kertas diskusi dan seminar, artikel, rencana, keratan akhbar, penulisan ilmiah dan laporan-laporan prestasi berhubung DEB. Umumnya, sumber-sumber sedemikian lebih cenderung ke arah menilai prestasi DEB dalam konteks perubahan dan kedudukan sosioekonomi Bumiputera semata-mata. Malah, sebahagian besar daripada perbincangan dan analisis dalam sumber-sumber ini adalah berdasarkan kategori Bumiputera dan bukan Bumiputera sahaja. Kaum India dikelompokkan bersama-sama dengan etnik Cina dalam kategori bukan Bumiputera. Perbincangan inklusif mengenai prestasi DEB berdasarkan kumpulan etnik adalah sangat terhad. Inilah antara kesukaran dan kekangan dalam kajian penyelidikan ini. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa kajian penyelidikan dan penulisan ilmiah dalam bentuk tesis, buku, artikel, jurnal, laporan seminar ekonomi kaum India, keratan akhbar berhubung kedudukan sosioekonomi kaum India di Malaysia. Kebanyakan penulisan sedemikian lebih tertumpu kepada aspek-aspek tertentu sahaja seperti soal imigrasi dan penempatan buruh India, pertumbuhan buruh India dan sejarah sosial mereka. Sebahagian daripada kajian-kajian berkenaan lebih berfokus kepada soal kemiskinan buruh estet dan isu-isu yang berkaitan dengannya. Ini adalah kerana sebahagian besar daripada masyarakat India tertumpu di estet-estet terutamanya dalam tempoh sebelum dan peringkat awal kemerdekaan Tanah Melayu. Oleh yang demikian, kajian menyeluruh mengenai permasalahan sosioekonomi yang merangkumi segenap lapisan masyarakat India di bandar dan luar bandar masih terbatas apatah lagi kajian penyelidikan yang komprehensif dan inklusif berkaitan

kedudukan sosioekonomi kaum India di bawah DEB dan selepasnya. Justeru, kajian ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk mengisi kekosongan ini.

Kajian terawal mengenai imigrasi dan masalah-masalah yang dihadapi kaum India telah bermula sejak 1930-an lagi. Antaranya ialah kajian yang bertajuk “*Indian Problems in Malaya : A Brief Survey in Relation to Emigration*” oleh Neelakandha Aiyer pada tahun 1938. Kajian ini berupa laporan tentang keadaan dan masalah-masalah yang dihadapi kaum India sebelum 1938 lagi. Dalam kajiannya, Aiyer sejajar dengan jawatannya sebagai setiausaha *Central Indian Association of Malaya* (CIAM) telah melaporkan tentang kedatangan orang India ke Tanah Melayu dan penglibatan mereka dalam politik tempatan berdasarkan bukti-bukti yang kukuh secara empirikal. Aiyer yang pernah tinggal di Tanah Melayu sejak 1912 dalam laporannya memperumpamakan buruh India sebagai ‘*sucked oranges*’¹⁴ bagi menggambarkan tahap eksploitasi buruh India oleh pengurus-pengurus estet yang terdiri daripada pemodal-pemodal Eropah. Laporan Aiyer ini berubah menjadi signifikan apabila laporannya mendapat keprihatinan kerajaan India. Susulan daripada laporan Aiyer, kerajaan India pada ketika itu telah bertindak memberhentikan penghantaran buruh India ke Tanah Melayu dengan serta-merta. Laporan Aiyer ini juga memberikan maklumat berguna untuk penyelidikan ini khususnya berhubung keadaan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh buruh India di Tanah Melayu dalam tempoh 1930-an.

¹⁴Istilah ini diguna pakai dalam kajian ini bagi menggambarkan tahap eksploitasi buruh India oleh pemilik-pemilik estet di Tanah Melayu.

Kernal Singh Sandhu dalam kajiannya yang bertajuk “*Indians in Malaya : Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*”¹⁵ telah mengupas secara analitikal berhubung kemasukan kaum India ke Tanah Melayu sebelum 1957. Dalam bahagian pertama kajiannya, Sandhu telah menyentuh asal-usul dan ciri-ciri imigrasi kaum India ke Tanah Melayu. Dalam bahagian kedua pula dibicarakan tentang perkembangan corak perubahan, pengagihan dan kependudukan kaum India di Tanah Melayu. Bahagian ketiga pula membicarakan tentang kehidupan dan peranan kaum India sejak kedatangan awal buruh India ke Tanah Melayu serta penglibatan mereka dalam arena politik tempatan. Walaupun kajian ini mencakupi tempoh masa antara 1786 hingga 1957, ia tetap relevan dan menjadi rujukan penting untuk kajian ini terutamanya dalam meneliti corak imigrasi dan penempatan buruh India serta masalah-masalah yang dihadapi mereka sebelum kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957.

Seorang lagi sejarawan terkenal dalam bidang penulisan sejarah tempatan khususnya berkenaan sejarah awal kedatangan orang India ke Tanah Melayu ialah R.K.Jain. Dalam kajiannya yang bertajuk “*South Indians in Plantation Frontier*”¹⁶ telah dibincangkan secara terperinci berkenaan sejarah kedatangan awal orang India khususnya daripada selatan India untuk berkerja di estet. Jain dalam perbincangannya turut memberi fokus terhadap pola interaksi dan corak perubahannya dalam struktur sosial kehidupan kaum India di Tanah Melayu. Untuk memenuhi objektifnya, Jain telah membuat kajian lapangan di sebuah estet di Semenanjung Malaysia pada tahun 1970. Kajian Jain ini telah membongkar kisah sebenar disebalik kehidupan seseorang buruh di

¹⁵ K.S.Sandhu, *Indians in Malaya : Some Aspects of their immigration and settlement, 1786-1957*, London, Cambridge University Press, 1969.

¹⁶ R.K Jain, *South Indians in Plantation Frontier*, Kuala Lumpur, University Malaya of Press, 1970.

estet. Kajiannya sungguh bermakna dalam menghayati dan mendalami keperitan hidup dan beban sosial yang ditanggung oleh seseorang buruh di estet.

Kajian bertajuk “*Indian in Malaya : Historical Facts and Figures*” oleh George Netto pada tahun 1961 merupakan satu lagi dokumentasi bermakna lagi bererti terutamanya dalam penelitian terhadap kedudukan sosial orang India sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Menurut Netto, banduan-banduan India merupakan pengasas dan pembina terawal jalanraya dan bangunan-bangunan perkhidmatan awam di Singapura¹⁷. Sumbangan dan sejarah banduan-banduan ini turut dikupas oleh Pearson dalam kajiannya yang bertajuk “*Peoples of Early Singapore*”¹⁸ dan Kondapi dalam kajiannya yang bertajuk “*Indians Overseas*”¹⁹. Soal penempatan dan kebajikan tenaga buruh India khususnya buruh estet sebelum dan selepas kemerdekaan Tanah Melayu dibicarakan oleh Netto dengan jelas dan terperinci. Begitu juga tentang sejarah politik awal kaum India di Tanah Melayu. Di samping itu, soal kedudukan ekonomi kaum India juga turut dikupas tetapi ia agak terbatas kepada kumpulan peniaga yang terdiri daripada golongan Chettiar yang menguruskan perniagaan pinjaman wang secara berlesen dan perbankan sahaja. Golongan Chettiar ini dikatakan memiliki estet-estet getah, sawah padi, ladang-ladang pokok kelapa dan sedikit tanah perlombongan bijih timah. Pengkaji berpendapat kajian Netto ini agak signifikan sebagaimana laporan Aiyer kerana kedua-duanya memaparkan statistik yang konkrit berhubung bilangan buruh India yang dibawa masuk dan kes-kes kematian berserta sebab-sebab kematian secara empirikal. Kajian Netto ini juga ternyata amat penting terutamanya dalam

¹⁷ George Netto, *Indians in Malaya : Historical Facts and Figures*, Singapore, 1961, hlm.18.

¹⁸ Pearson, H.F., *People of Early Singapore*, London, University of London Press Ltd., 1955.

¹⁹ Kondapi, C., *Indians Overseas, 1838-1949*, New Delhi, Indian Council of World Affairs, 1951, hlm.32.

mengetahui dan memahami bukti-bukti sejarah awal kedatangan buruh India ke Tanah Melayu. Satu lagi kajian yang mirip kajian Netto ialah "*Immigrant Labour and the Development of Malaya, 1786-1920*" oleh Jackson pada tahun 1961²⁰. Jackson dalam kajiannya telah mengupas sejarah kedatangan imigran India dan sumbangan mereka dalam pembangunan ekonomi Tanah Melayu khususnya dalam sektor pengeluaran getah. Kajian Jackson dianggap analitikal terutamanya dalam meneliti sumbangan buruh India dalam membangunkan industri getah di Tanah Melayu.

Selain sejarah awal kedatangan dan penempatan orang India, penglibatan mereka dalam politik tempatan turut menarik perhatian sejarawan tempatan dan luar negara. Antaranya ialah kajian oleh Mahajani yang bertajuk "*The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*"²¹ pada tahun 1960. Dalam kajiannya, Mahajani telah meneliti sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh golongan minoriti India dalam usaha membangkitkan semangat nasionalisme India di Burma dan Tanah Melayu. Berbeza dengan Mahajani, kajian Arasaratnam pula berdasarkan *centric* Tanah Melayu dan Singapura. Kajian Arasaratnam yang bertajuk "*Indians in Malaysia and Singapore*"²² bertitik tolak daripada hubungan India-Tanah Melayu sejak kurun ke-19 lagi. Selain soal imigrasi dan penempatan orang India di Negeri-Negeri Selat (NNS), Arasaratnam turut membicarakan tentang proses pembentukan masyarakat India di Tanah Melayu dalam tempoh 1880 hingga 1945 serta perkembangan politik mereka sejak 1945. Tahap perkembangan pendidikan serta senario politik semasa dalam bab

²⁰ R.N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya, 1786-1920*, Kuala Lumpur, Government Printers, 1961.

²¹ Usha Mahajani, *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*, Bombay, Verg & Co., 1960.

²² S.Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, London, Oxford University Press, 1970.

terakhir kajian beliau sangat signifikan terutamanya dalam memahami permasalahan sosioekonomi kaum India selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Kajian Arasaratnam bersifat empirikal terutamanya dalam menilai tahap dan kedudukan sosioekonomi kaum India di bandar dan luar bandar. Masalah sosioekonomi yang dihadapi buruh estet seperti masalah upah, mutu khidmat kesihatan yang rendah, persekitaran tempat kediaman yang daif serta kualiti kehidupan yang rendah telah dikupas secara terperinci. Sesungguhnya, maklumat-maklumat sebegini sangat bermakna dalam menilai kedudukan sosioekonomi kaum India di Malaysia sebelum 1970-an.

Kajian Stenson yang bertajuk “*Class, Race and Colonialism in West Malaysia : The Indian Case*”²³ merupakan satu lagi kajian empirikal khususnya tentang penglibatan kaum India dalam politik Tanah Melayu. Menurut Stenson, walaupun aktiviti politik dalam kalangan kaum India di Tanah Melayu telah bermula sejak 1930-an lagi, ia menjadi signifikan dengan kebangkitan gerakan Gadhur dan Kilafhat semasa Perang Dunia Pertama²⁴. Perlantikan P.K Nambiar sebagai Ahli Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat dan S.N. Veerasamy sebagai Ahli Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1928 serta perlantikan seorang perwakilan India di negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan²⁵ membuktikan kedudukan dan pengaruh politik kaum India semasa penjajahan British di Tanah Melayu. Dimensi politik kaum India berubah dengan penubuhan Malayan Union (MU) dan gabungan *Malaysian Indian Congress* (MIC)

²³ Michael Stenson, *Class, Race and Colonialism in West Malaysia : The Indian Case*, Queensland, University of Queensland Press, 1980.

²⁴ *Ibid*, hlm. 39. Kedua-dua gerakan ini berperanan sebagai pencetus semangat segolongan elit dan profesional India yang berpendidikan Inggeris.

²⁵ *Ibid*, hlm.41.

dalam Parti Perikatan semasa kepimpinan K.Ramanathan sebagai Presiden MIC yang ketiga. Kajian Stenson sungguh bermakna dan signifikan terutamanya dalam memahami isu-isu serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh MIC. Maklumat ini juga sangat berguna untuk penyelidikan ini dalam menilai kerelавanan MIC sebagai pejuang bangsa India di Malaysia. Selain Stenson, Rajeswary melalui kajiannya yang bertajuk “*The Indian Minority and Political Change in Malaya 1945-1957*”²⁶ dan “*Social and Political Development in the Indian Community in Malaya 1920-1941*”²⁷ turut mengupas tentang peranan dan pengaruh politik kaum India di Tanah Melayu. Kajian Rajeswary agak komprehensif terutamanya dalam membicarakan peranan kaum India dalam politik Tanah Melayu khususnya dalam tempoh 1945-1957. Selain semangat perjuangan menuntut kemerdekaan India, Rajeswary turut menganalisis peranan dan respon kaum India terhadap perubahan politik di ambang kemerdekaan Tanah Melayu. Memandangkan keturunan India-Tamil merupakan kumpulan majoriti maka, kajian Rajeswary lebih berfokus kepada permasalahan sosioekonomi mereka. Kumpulan ini menurut Rajeswary masih dibelenggu masalah-masalah fundamental seperti taraf hidup dan pendidikan yang rendah, kadar pengangguran dan kemiskinan yang tinggi. Kebajikan dan masa depan golongan kurang bernasib baik ini mula diperjuangkan oleh gerakan buruh seperti Thondar Padai dan parti-parti politik berhaluan kiri seperti *Peoples Progressive Party* (PPP) dan *Socialist Front* (SF). Kajian Rajeswary ini menyerupai skop kajian yang dibicarakan oleh Subramaniam dalam kajiannya yang

²⁶ A.Rajeswary, *The Indian Minority and Political Change in Malaya, 1945-1957*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1981

²⁷ A.Rajeswary, “Social and Political Development in the Indian Community in Malaya 1920-1941”, M.A Thesis, Kuala Lumpur, University of Malaya,

bertajuk “*Politics of Indians in Malaya, 1945-1955*”²⁸. Walaupun tempoh masa kajian Subramaniam dan Rajeswary hampir sama, Subramaniam nampaknya lebih tertumpu kepada sejarah dan struktur politik MIC. Kajian Subramaniam lebih cenderung kepada isu-isu dalaman politik MIC manakala Rajeswary menumpukan penelitiannya terhadap peranan kaum India dalam landskap politik Tanah Melayu dalam tempoh zaman pendudukan Jepun sehingga kemerdekaan Tanah Melayu. Sesungguhnya, Rajeswary berpendapat tempoh masa berkenaan bukan sahaja memaparkan sikap dan tingkah laku politik kaum India malah telah menyaksikan kelahiran tokoh-tokoh politik yang berkaliber dalam kalangan kaum India di Tanah Melayu²⁹. Satu lagi kajian signifikan Rajeswary ialah “*The Contemporary Indian Political Elite in Malaysia*”³⁰ yang membicarakan politik kontemporari kaum India di Malaysia. Menurut Rajeswary, MIC yang dianggap parti komponen Barisan Nasional (BN) yang paling lemah sebelum 1960-an mula bangkit menjadi pejuang kaum India yang agresif terutamanya semasa kepimpinan Datuk Seri S.Samy Vellu³¹. Diskusi Rajeswary tentang perjuangan dan krisis kepimpinan MIC bermula daripada kepimpinan Tun Sambanthan sehingga Datuk Seri S.Samy Vellu sangat bermakna dalam menilai kejayaan dan kelemahan kepimpinan MIC sebagai parti politik dan wadah perjuangan kaum India dalam usahanya untuk memperbaiki dan mengukuhkan kedudukan sosioekonomi mereka di Malaysia.

²⁸ S.Subramaniam, “Politics of Indians in Malaya, 1945-1955”, M.A Thesis, Kuala Lumpur, University of Malaya, 1974.

²⁹ A.Rajeswary, “The Contemporary Indian Political Elite in Malaysia” dlm. K.S.Sandhu & A.Mani (ed.), *Indian Communities in Souteast Asia.*, Singapore, ISEAS,1993, hlm.238-263.

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Ibid*, hlm.263.

Selain kajian berkaitan peranan dan penglibatan kaum India di Malaysia dalam politik tempatan, terdapat beberapa kajian yang mikroskop tentang permasalahan sosioekonomi kaum India di Malaysia khususnya selepas peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa berdarah ini bukan sahaja sebagai titik peralihan penting dalam tingkah laku politik kaum India di Malaysia³² malah meninggalkan impak yang mendalam dalam konteks kedudukan sosioekonomi mereka di Malaysia. Memandangkan sebahagian besar daripada kaum India tertumpu di estet-estet khususnya sebelum 1970-an maka, tema kajian-kajian sosioekonomi mereka tidak terpisah jauh daripada isu-isu yang melingkari kedudukan sosioekonomi mereka. Antara tema yang menarik tumpuan kajian-kajian sedemikian ialah kemiskinan, pengangguran, pendidikan, kesihatan, perumahan dan taraf hidup yang kurang berkualiti.

Kajian Ramasamy yang bertajuk "*The State, Unions and Plantation Labour in Malaysia*"³³ dan "*Socio-Economic Transformation of Malaysian Indian Plantation Workers*"³⁴ merupakan suatu penyelidikan kritikal lagi bermakna berkenaan transformasi sosioekonomi dalam kalangan buruh estet di Malaysia. Dalam kajiannya, Ramasamy telah mengupas secara komprehensif struktur sosial estet, masalah dan perjuangan kesatuan-kesatuan sekerja, masalah sosioekonomi buruh-buruh estet dan peranan MIC dalam merungkaikan kekusutan bebanan sosioekonomi yang ditanggung oleh *sucked oranges* ini. Menurut Ramasamy, kestabilan struktur sosial estet tergugat dengan mogok buruh estet. Kebangkitan Parti Komunis Malaya (PKM) yang berjaya

³² *Ibid*, hlm.237.

³³ P.Ramasamy, "The State, Unions and Plantation Labour in Malaysia", Ph.D Thesis, Kuala Lumpur, University of Malaya, 1990.

³⁴ P.Ramasamy, "Socio-Economic Transformation of Malaysian Indian Plantation Workers" dlm. K.S.Sandhu & A.Mani (edt.), *Indian Communities in Souteast Asia.*, Singapore, ISEAS,1993, hlm.314-332.

meraih simpati buruh India pada peringkat awal akhirnya dapat dipatahkan oleh pemerintahan British menerusi darurat 1948. Ramasamy mendakwa MIC dan *National Union Plantation Workers* (NUPW) gagal memainkan peranan yang sewajarnya dalam meringkankan masalah buruh estet seperti upah yang rendah, kedaifan tempat kediaman dan mutu pendidikan yang tidak berkualiti di sekolah-sekolah Tamil estet.³⁵ Tambah Ramasamy lagi, walaupun Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, struktur sosial estet tidak mengalami sebarang perubahan malah bertambah kukuh dengan tindakan kerajaan memiliki estet-estet menerusi syarikat-syarikat perladangan seperti Sime Darby³⁶ Kajian Ramasamy juga sangat membantu penyelidikan ini terutamanya dalam memahami masalah sosioekonomi buruh estet serta perjuangan MIC dan NUPW dalam membantu meringkankan permasalahan mereka. Kajian Jomo yang bertajuk “*Plantation Capital and Indian Labour in Colonial Malaya*”³⁷ merupakan satu lagi kajian mengenai buruh India di estet. Namun kajian Jomo ini berbeza dengan kajian Ramasamy kerana Jomo lebih berfokus kepada industri getah dan impaknya ke atas ekonomi Tanah Melayu. Menyentuh tentang buruh estet, Jomo hanya membahaskan tentang sistem kemasukan buruh India ke Tanah Melayu, perbezaan dari segi buruh India dan Cina di bawah pemerintahan British dan kesan kemelesetan ekonomi terhadap upah buruh estet³⁸. Permasalahan sosial yang dihadapi oleh buruh estet sebagaimana perbincangan Ramasamy nampaknya kurang diberi penekanan dalam kajian Jomo ini. Walau bagaimanapun, kajian Jomo ini masih relevan dan komprehensif terutamanya dalam

³⁵ *Ibid*, hlm.331-332.

³⁶ *Ibid*, hlm.332.

³⁷ Jomo, K.S., “Plantation Capital and Indian Labour in Colonial Malaya” dlm. K.S.Sandhu & A.Mani (ed.), *Indian Communities in Southeast Asia*, Singapore, ISEAS, 1993, hlm.288-303.

³⁸ *Ibid*, hlm.302.

memahami kesan kemelestan ekonomi pada tahun 1929 dan pemulihan ekonomi pada tahun 1934 ke atas taraf hidup buruh estet³⁹.

Kajian Selvakumaran yang bertajuk “*Indian Plantation Labour in Malaysia*”⁴⁰ merupakan satu lagi kajian komprehensif mengenai buruh India di di Malaysia. Selvakumaran memulakan kajiannya dengan sistem kawalan buruh di bawah pentadbiran British di Tanah Melayu disamping suasana persekitaran hidup buruh estet. Dalam membicarakan impak industri getah ke atas ekonomi Tanah Melayu, Selvakumaran turut membandingkan kemajuan ekonomi Tanah Melayu yang tidak seiring dengan peningkatan taraf hidup buruh estet. Dalam bab 4 dan 5, Selvakumaran mengupas secara terperinci tentang suasana tempat kerja dan persekitaran hidup buruh estet manakala bab 6 adalah mengenai gerakan buruh dan peranan NUPW dalam merungkai masalah buruh India di estet. Selvakumaran berpendapat bahawa meskipun kemajuan ekonomi negara ditunjangi oleh industri getah, buruh estet yang menjadi tulang belakang dan nadi penggerak disebalik kemakmuran ini telah dipinggirkan tanpa perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan⁴¹. Kelas pekerja ini dianggap sebagai “*forgotten people*” oleh Colleta⁴² dan “*persistent poor*” oleh Mehmet⁴³. Kerajaan berpendapat kebajikan buruh estet adalah tanggungjawab pengurusan estet manakala pihak majikan estet pula menganggap bahawa kebajikan buruh-buruhnya bukanlah agenda utama mereka. Dilema kelas buruh ini menyebabkan mereka berpinggiran

³⁹ *Ibid*, hlm.301.

⁴⁰ R.Selvakumaran, *Indian Plantation Labour in Malaysia*, Kuala Lumpur, S.Abdul Majeed & Co.,1994.

⁴¹ *Ibid*, hlm.324.

⁴² N.J.Colletta, “Malaysia’s Forgotten People : Education, Cultural Identity and Socio-economic Mobility Among South Indian Plantation Workers” dlm. *Contributions to Asian Studies*, Vol.7, 1978, hlm.827-844.

⁴³ Ozay Mehmet, *Development in Malaysia – Poverty, Wealth and Trusteeship*, Kuala Lumpur, INSAN, 1988.

dalam arus pembangunan nasional⁴⁴. Ringkasnya, kajian Selvakumaran merupakan sumbangan bermakna untuk penyelidikan ini terutamanya dalam memahami permasalahan sosioekonomi yang dialami buruh India di estet serta peranan dan perjuangan NUPW dan MIC dalam menangani permasalahan mereka.

Kajian Muzafar⁴⁵ merupakan satu lagi penyelidikan mengenai kaum India di Malaysia dalam tempoh 1900 hingga 2003. Kajian Muzaffar tidak terbatas tentang orang-orang India keturunan Tamil sahaja malah turut merangkumi sejarah dan pola kedatangan orang-orang Telugu, Malayalee, Sikh dan Benggali. Dalam membicarakan masalah buruh estet, Muzaffar telah meneliti masalah upah akibat kesan kemelesetan yang bermula di Amerika Syarikat pada tahun 1929. Isu upah merupakan antara tema penting dalam kajian Muzaffar kerana ia memberi implikasi langsung terhadap taraf hidup dan sosioekonomi kelas pekerja ini. Sebagaimana kajian Selvakumaran dan Ramasamy, Muzaffar juga turut mempersoalkan keberkesanan CIAM, NUPW dan MIC dalam membantu meringankan permasalahan buruh estet seperti isu kewarganegaraan dan masalah upah. Dalam membicarakan soal politik, Muzaffar meneliti kedudukan dan masalah-masalah sosioekonomi kaum India berdasarkan era kepimpinan Perdana Menteri Malaysia bermula dari Tunku Abdul Rahman sehingga Dr.Mahathir. Dalam membicarakan era kepimpinan Tun Razak sebagai Perdana Menteri Kedua, Muzaffar telah merungkai masalah-masalah yang menghantui buruh estet ekoran tercetusnya peristiwa berdarah, 13 Mei 1969 dan pengenalan DEB. Menurut Muzaffar, walaupun kepimpinan negara dan rancangan-rancangan ekonomi kerajaan silih berganti, nasib dan

⁴⁴ *Far Eastern Economic Review*, 7.6.1990.

⁴⁵ D.T.Muzafar, *The Malaysian Indian : History, Problems and Future*, Petaling Jaya, SIRDC, 2008.

kebajikan buruh estet tetap tidak mengalami perubahan yang signifikan⁴⁶. Senario ini telah menjadikan kadar kemiskinan dan pengangguran tertinggi dalam kalangan etnik India berbanding etnik-etnik lain di Malaysia. Disamping masalah-masalah yang tersebut di atas, Muzaffar turut mengenengahkan isu pendidikan dalam kalangan kaum India di Malaysia. Kajian Muzaffar dianggap bersifat analitikal terutamanya dalam menganalisis sosioekonomi kaum India sebelum dan selepas kemerdekaan Tanah Melayu.

*“Political Marginalization in Malaysia”*⁴⁷ oleh Chandra Muzaffar merupakan suatu penelitian secara kritikal tentang dimensi politik di Malaysia. Chandra menganggap bahawa memandangkan etnik India adalah kumpulan marginal maka, mereka kurang diberi penekanan oleh kumpulan terbesar di negara ini. Menurut Chandra lagi, sebahagian daripada aspek kehidupan etnik India adalah berlawanan dengan kumpulan terbesar atau majoriti besar di Malaysia⁴⁸. Dalam kajian ini, Chandra telah meneliti secara kritikal sebab dan bagaimana komuniti India menjadi kumpulan etnik yang marginal dari segi landskap politik Malaysia. Menurut Chandra, di samping dasar eksploitasi⁴⁹ dan sekatan politik⁵⁰ di bawah pemerintahan British, faktor demografi juga berperanan penting dalam mewujudkan marginalisasi politik dalam kalangan orang India di Tanah Melayu. Tambahan pula, menurut Chandra kepelbagaian dalam etnik India yang terdiri daripada orang-orang Telugu, Malayalee, Sikh dan

⁴⁶ *Ibid*, hlm.159-178.

⁴⁷ Chandra Muzaffar, “Political Marginalization in Malaysia” dlm. K.S.Sandhu & A.Mani (ed.), *Indian Communities in Souteast Asia.*, Singapore, ISEAS,1993, hlm.211-234.

⁴⁸ *Ibid*, hlm.211.

⁴⁹ Dasar eksploitasi menyebabkan tersekatnya mobiliti sosial dalam kalangan buruh-buruh India. Mereka bukanlah tenaga buruh yang bebas untuk mencari peluang kehidupan yang lebih baik di tempat lain.

⁵⁰ Sebagai contohnya, British bertindak kejam ketika menahan pemimpin kanan kesatuan sekerja seperti R.H Nathan bersama-sama dengan 300 orang penyokong-penyokongnya di Selangor pada tahun 1941.

Benggali juga menjadi halangan untuk membina entiti politik yang kukuh dalam kalangan mereka. Ia bertambah sukar lagi dengan perbezaan sosio budaya dan masalah kasta⁵¹. Tempiasnya dapat dirasai dalam beberapa aspek kehidupan kaum India di negara ini. Marginalisasi politik etnik India berkesinambungan walaupun selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Dalam konteks ini, MIC yang mendakwa sebagai wakil suara kaum India di Malaysia ternyata kurang membawa perubahan yang signifikan dalam memperbaiki dan seterusnya mengukuhkan kedudukan sosioekonomi kaum India di negara ini⁵². Walau bagaimanapun, kajian Chandra masih dianggap signifikan dan penting terutamanya dalam memahami cabaran-cabaran yang dihadapi MIC untuk membina entiti politik yang kuat dalam kalangan kaum India di Malaysia.

Kajian Puthuchery bertajuk "*Indians in the Public Sector in Malaysia*"⁵³ agak berbeza dengan kajian-kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Kajian Puthuchery ini tertumpu pada penyertaan kaum India dalam perkhidmatan awam di Tanah Melayu dalam tempoh sebelum kemerdekaan hingga 1970-an. Kajian Puthuchery mendapati bahawa jenis-jenis pekerjaan profesional dan ikhtisas serta pekerjaan-pekerjaan dalam perkhidmatan awam seperti perkeranian, keguruan, pegawai teknik, pegawai-pegawai di Jabatan Buruh, Pos dan Telegraf dan hospital-hospital kerajaan pernah didominasi oleh kaum India⁵⁴. Namun, selepas Perang Dunia Kedua kecemerlangan kaum India dalam sektor perkhidmatan awam bertambah merosot disebabkan oleh faktor-faktor yang dijelaskan oleh Chandra. Sesungguhnya, kemerosotan ini menurut Puthuchery

⁵¹ *Ibid*, hlm.215.

⁵² Chandra Muzaffar, "Political Marginalization in Malaysia", hlm.224-238.

⁵³ Mavis Puthuchery, "Indians in the Public Sector in Malaysia" dlm. *Indian Communities in Southeast Asia*, K.S.Sandhu & A.Mani (ed.), Singapore, ISEAS,1993, hlm.334-362.

⁵⁴ *Ibid*, hlm.337-352.

meninggalkan implikasi langsung terhadap sosioekonomi etnik India. Tambahan pula, fenomena ini menyebabkan mereka kurang diberi ruang dan peluang dalam proses penggubalan polisi-polisi kerajaan⁵⁵. Menurut Puthuchery lagi, kemerosotan ini agak ketara selepas pelaksanaan DEB pada tahun 1970⁵⁶. Dalam membaik pulih situasi ini, di samping peranan kerajaan, penyatuan suara politik dalam kalangan kaum India adalah sangat penting. Namun, Chandra dan Puthuchery sependapat bahawa perbezaan ideologi politik adalah antara halangan utama untuk membina kesatuan entiti politik yang jitu dan kukuh bagi kaum India di Malaysia. Walaupun Puthuchery memaparkan statistik tentang penglibatan kaum India dalam sektor perkhidmatan awam sebelum 1970-an, ia masih relevan dan penting terutamanya dalam membanding beza dari segi tahap penyertaan dalam sektor perkhidmatan awam kaum India dalam tempoh masa sebelum dan selepas pelaksanaan DEB pada tahun 1970.

Kajian Sivalinggam yang bertajuk “*Economic Problems and Challenges Facing the Indian Community*”⁵⁷ adalah satu lagi kajian analitikal berhubung permasalahan sosioekonomi dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia. Menurut Sivalinggam, peluang-peluang ekonomi yang terhad, kurangnya keprihatinan menerusi dasar-dasar kerajaan, kekangan sosiobudaya kaum India dan amalan sistem kuota merupakan 4 faktor yang mempengaruhi kemunduran kaum India di negara ini⁵⁸. Menyentuh tentang peluang-peluang ekonomi, Sivalinggam berpendapat bahawa

⁵⁵ *Ibid*, hlm.362.

⁵⁶ *Ibid*, hlm.355. Sebagai contohnya, pada tahun 1970 bilangan jawatan pengurusan profesional (*Division One Posts*) telah bertambah daripada 4,744 menjadi 22,030 dan daripada angka ini lebih daripada 80 peratus jawatan ini telah diisi oleh orang-orang Melayu. Bagi keterangan lanjut rujuk, *Ibid*, hlm.355.

⁵⁷ A.Sivalinggam, “Economic Problems and Challenges Facing the Indian Community” dlm. *Indian Communities in Souteast Asia* K.S.Sandhu & A.Mani (ed.), Singapore, ISEAS,1993, hlm.334-362.

⁵⁸ *Ibid*, hlm.388.

penglibatan kaum India baik dalam sektor pekerjaan mahupun dalam jenis-jenis pekerjaan tidak menggambarkan populasi mereka dalam kependudukan Malaysia⁵⁹. Sehubungan ini, majoriti tenaga kerja kaum India tertumpu pada sektor dan jenis-jenis pekerjaan yang kurang berkemahiran. Mereka juga tidak berupaya menembusi pasaran tenaga kerja yang mempunyai permintaan tinggi seperti perniagaan, perlombongan, pembinaan dan pengeluaran⁶⁰. Ketidakupayaan menembusi pasaran ekonomi yang kompetan menyebabkan kaum India kurang berkemampuan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi mereka. Lantaran, MIC telah mengorak pelbagai langkah bagi memperbaiki kedudukan ekonomi kaum India di negara ini. Walau bagaimanapun, usaha-usaha MIC tidak berupaya meninggalkan kesan yang signifikan dalam konteks kedudukan ekonomi kaum India. Ini terbukti dengan kadar pemilikan ekuiti dan pemilikan saham dalam syarikat-syarikat berhad yang tidak berganjak daripada 1 peratus malah bertambah menurun untuk beberapa tahun lamanya⁶¹. Sebagai jalan penyelesaian, Sivalinggam mencadangkan supaya komuniti India keluar daripada gelombang sosiobudayanya dan mempertingkatkan kecekapan dan kemahiran mereka. Beliau juga menyarankan MIC supaya berperanan penting dalam mereka bentuk rancangan-rancangan ekonomi yang efektif bagi kaum India⁶². Ringkasnya, dapatan kajian Sivalinggam ini juga sangat bermakna terutamanya dalam memahami masalah-masalah ekonomi yang dihadapi masyarakat India dan cabaran-cabaran yang dihadapi mereka dalam meranjau kehidupan mereka di negara ini.

⁵⁹ *Ibid*, hlm.389.

⁶⁰ *Ibid*, hlm.391.

⁶¹ *Ibid*, hlm.398.

⁶² *Ibid*, hlm.399.

Dalam membincangkan kemunduran ekonomi kaum India, suatu aspek yang tidak mungkin boleh diketepikan ialah masalah penempatan setinggan di bandar. Kajian lapangan yang dilakukan oleh Rajoo di Kampung Kasturi⁶³ merupakan satu penyelidikan bermakna dalam memahami kepelbagaian masalah yang melingkari kehidupan penempatan setinggan India di kampung berkenaan. Walaupun, kajiannya hanya tertumpu di Kampung Kasturi, dapatan kajian berkenaan boleh mewakili permasalahan penempatan setinggan India di kawasan-kawasan lain di Semenanjung Malaysia. Ini diperakukan sendiri oleh kajian penduduk dan keluarga setinggan di 5 buah bandar utama di Semenanjung Malaysia⁶⁴. Kajian Rajoo menunjukkan persekitaran hidup di perkampungan setinggan sebagai ‘sarang pembiakan’ permasalahan sosioekonomi kaum India yang lain seperti masalah pendidikan, pengangguran, masalah buruh remaja wanita dan kanak-kanak, kegiatan anti-sosial, kemudahan-kemudahan asas yang kurang mencukupi serta kualiti kehidupan yang amat rendah.

Sebagaimana yang terbukti dalam kajian Rajoo di atas, masalah pengangguran dan peluang pekerjaan merupakan suatu permasalahan sosial yang mempunyai impak langsung terhadap kualiti dan taraf kehidupan seseorang. Masalah peluang pekerjaan dan pengangguran khususnya dalam kalangan kelas pekerja-pekerja India di bandar

⁶³ R.Rajoo, “Indian Squatter Settlers : Indian Rural-Urban Migration in West Malaysia” dlm. *Indian Communities in Souteast Asia* K.S.Sandhu & A.Mani (ed.), Singapore, ISEAS,1993, hlm.484-502.

⁶⁴LPPKN, *Kajian Penduduk dan Keluarga Setinggan di Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur, LPPKN, 2001.

Kajian oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini tertumpu di 5 bandar utama di Semenanjung Malaysia iaitu di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), Majlis Bandaraya Johor Baharu (MBJB), Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP).Kajian ini melibatkan 1423 tempat kediaman yang diwakili oleh 7,310 ahli isi rumah sebagai responden kajian.